# JABATAN KERJA RAYA, SABAH
# NEGERI SABAH, MALAYSIA

## KENYATAAN TENDER

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah **Kod Bidang Perkhidmatan Perunding 330201 (Arkitek)** serta sijil-sijil yang masih belum tamat tempoh sah untuk membuat tawaran bagi perkhidmatan perunding berikut:-

| Ruj. Tender | Butir-Butir Pelawaan | Harga Dokumen Tender (RM) | Kod Bidang Kajian | Tarikh, Masa & Tempat Bagi Taklimat |
|---|---|---|---|---|
| JKR.JUB. 600-5/1/462 | Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding Utama Secara Tender Terbuka Bagi Projek Membina 18 Bilik Darjah Gantian Penuh Dan Lain-Lain Kemudahan, Asrama 200 Pelajar, 16 Unit Rumah Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Bongkol, Pitas, Sabah. | **50.00 Sahaja** | **330201** (Arkitek) | Taklimat dan Lawatan Tapak Tender **TIDAK DIWAJIBKAN.**<br>1. Perunding boleh melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan bagi membantu syarikat mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan / maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran tender.<br>2. Sekiranya petender mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian pelitup muka (*face mask*) adalah perlu diteruskan.<br>3. Rakaman Video/Slaid/Taklimat Projek akan dipaparkan di laman sesawang rasmi JKR Sabah (jkrapps.sabah.gov.my) untuk diakses oleh semua petender yang berminat, sepanjang tempoh tender, mulai 20 Disember 2021. |

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender | : | **20 Disember 2021 sehingga 17 Januari 2022**<br>**Isnin - Khamis** - **9.00 Pagi - 12.00 Tengahari**<br>**2.00 Petang - 3.00 Petang**<br>**Jumaat** - **9.00 Pagi - 11.00 Pagi**<br>**2.00 Petang - 3.00 Petang** |
| Tarikh Tutup Tender | : | **17 Januari 2022 (Isnin - Jam 12.00 Tengahari)** |
| Tempat Memasukkan Tender | : | **Peti Tawaran,**<br>**Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP),**<br>**Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan Di Bawah Kendalian Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah,**<br>**Bangunan Kementerian Kerja Raya Sabah,**<br>**Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR**,<br>**88582 KOTA KINABALU, SABAH** |

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat Lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh diperolehi semasa waktu pejabat di **Kaunter Bahagian Penjualan Dokumen Tender (Cawangan Ukur Bahan), Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kota Kinabalu, Sabah**. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada perunding-perunding atau wakil - wakilnya yang **SAH** sahaja dengan membawa **'SURAT TAULIAH'** yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat perunding. **Sijil-Sijil yang berkenaan** hendaklah dikemukakan dan sila sediakan satu (1) salinan sijil – sijil semasa hendak mengambil dokumen tender.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "**Cadangan Teknikal**" dan '**Cadangan Kos**" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan seperti yang dinyatakan di atas. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

**PENGARAH KERJA RAYA, SABAH**